

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM OLEH TUAN YANG TERUTAMA
ENCIK VO VAN KIET Pengerusi MAJLIS MENTERI-MENTERI SOSIALIST
REPUBLIC VIETNAM

TEMPAT: CULTURAL PALACE, HANOI, VIETNAM

TARIKH: 19 APR 1992

MASA:

Tuan Yang Terutama Encik Vo Van Kiet,
Pengerusi Majlis Menteri-menteri
Sosialis Republik Vietnam
Puan Cam,
Dif-dif Kehormat,
Tuan-tuan dan puan-puan,
Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas
ucapan aluan serta sambutan mesra yang diberikan kepada
saya, isteri saya dan ahli-ahli rombongan saya yang begitu
ramai. Saya sungguh gembira berada di Vietnam untuk
membalas lawatan Tuan Yang Terutama dan memperbaharui
persahabatan kita serta untuk melihat sendiri perubahan-
perubahan yang sedang berlaku di Vietnam. Saya juga ingin
menyatakan penghargaan kami kepada Tuan Yang Terutama di
atas persiapan-persiapan yang begitu cemerlang untuk lawatan
ini, yang merupakan lawatan pertama saya ke Vietnam. Saya
berharap akan dapat menikmati keindahan dan kecantikan
negara ini dan meneruskan dialog yang telah kita wujudkan
selama ini.

2. Semasa lawatan rasmi Tuan Yang Terutama ke Malaysia
beberapa bulan yang lalu, kita telah mengadakan beberapa
pertukaran pendapat yang sangat berguna mengenai berbagai-
bagai perkara berkaitan dengan perhubungan duahala kita
serta mengenai isu-isu wilayah dan antarabangsa yang
menyentuh kepentingan kita bersama. Saya yakin lawatan saya
ke Vietnam akan mengeratkan lagi persahabatan serta
kerjasama rapat di antara kedua-dua negara kita. Saya
merasa gembira kerana benih kerjasama ekonomi yang kita
semai selama ini telah mula memperlihatkan hasil. Jumlah
perdagangan di antara negara kita telah meningkat dengan
pesat sejak dua tahun lalu dan beberapa Kumpulan Korporat
Malaysia yang utama seperti Petronas, Public Bank dan Golden
Hope telahpun bertapak di Vietnam. Bukti keyakinan terhadap
Vietnam yang kian meningkat ini adalah hasil daripada dasar
ekonomi yang praktik yang diamalkan oleh Kerajaan Vietnam di
bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama.

3. Sungguhpun kemajuan di lapangan perdagangan dan
kerjasama ekonomi menggalakkan, masih banyak lagi potensi
yang belum diterokai. Kita perlu terus membina kejayaan

yang telah kita capai demi untuk faedah bersama. Rombongan yang begitu besar dari sektor swasta Malaysia jelas membuktikan keinginan kami untuk melihat hubungan di antara kedua-dua negara kita ditingkatkan lagi. Adalah menjadi harapan saya agar usahawan-usahawan dan ahli-ahli perniagaan Malaysia akan diterima sebagai rakan kongsi yang tulin dan ikhlas dalam pembangunan ekonomi Vietnam/Malaysia.

4. Dalam usaha murni membangunkan ekonomi Vietnam, Tuan Yang Terutama akan memerlukan sejumlah modal dan tenaga manusia terlatih yang besar. Saya berjanji pada hari ini, seperti yang saya janjikan semasa lawatan Tuan Yang Terutama ke Malaysia tempoh hari, bahawa Malaysia sedia berkongsi pengalaman pembangunannya dengan Vietnam dan memberi bantuan di bidang teknologi getah, pengurusan, pentadbiran dan latihan teknikal. Kami lakukan semua ini dengan semangat persahabatan dan kerjasama serta dengan kepercayaan penuh bahawa jiran-jiran yang stabil ekonominya dan makmur akan menyumbang secara positif terhadap keselamatan dan keamanan rantau ini. Kami melakukannya juga kerana yakin Vietnam benar-benar ikhlas ingin hidup dalam aman dan bekerjasama dengan jiran-jirannya serta menyertai sepenuhnya sebagai anggota masyarakat Asia Tenggara yang bertanggungjawab.

5. Perkembangan di dunia baru-baru ini telah menyakinkan kami bahawa beberapa buah negara di rantau ini tidak mempunyai pilihan, tetapi perlu bekerjasama rapat antara satu sama lain. Berakhirnya konfrontasi Timur-Barat dan kemunculan satu kumpulan ekonomi dan politik yang baru di Eropah dan Amerika, di mana masing-masing meletakkan kepentingan sendiri dahulu, menyebabkan lebih perlu dan segera bagi kita di Asia Tenggara dan Asia Timur bekerjasama dan merancang masa depan berdasarkan kepentingan serantau. Kegagalan berbuat demikian akan melemahkan kedudukan kita. Atas sebab-sebab inilah maka kami di ASEAN telah bersetuju untuk mempererat lagi kerjasama antara satu sama lain dengan mengambil langkah-langkah yang kukuh untuk mengrealisasikan Peraturan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dalam jangka masa 15 tahun. Peraturan-peraturan institusi yang lain telahpun dipersetujui untuk menentukan ASEAN benar-benar menjadi satu organisasi yang betul-betul berkesan bagi memenuhi cabaran-cabaran masa depan, menjamin pembangunan, keamanan dan kestabilan di rantau ini.

6. Sementara kami yakin ASEAN yang mengandungi enam negara mampu memainkan peranan sepertimana yang dijangkakan, kami juga percaya ASEAN yang diperluaskan keanggotaannya kepada sepuluh negara bagi meliputi semua negara-negara Asia Tenggara akan benar-benar mewujudkan satu kekuatan yang dapat menjamin keamanan, kemajuan dan kestabilan rantau ini. Kami di Malaysia menjangkakan penubuhan satu masyarakat negara-negara Asia Tenggara yang makmur yang dijalinkan bersama oleh satu komitmen yang kukuh untuk bekerjasama demi keamanan, kemajuan dan kestabilan, di mana penduduknya bebas melawat di antara satu negara dengan lain, di mana perdagangan dan pelaburan mengalir tanpa sebarang sekatan, ataupun sekatan yang minima dan di mana institusi-institusi

bersama wujud untuk melatih ahli-ahli sains dan cendekiawan supaya setanding dengan mereka di negara-negara maju.

7. Kami sungguh gembira bahawa Vietnam dan Laos kini bersedia menandatangani satu Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama ASEAN dan kami berharap masanya tidak lama lagi bagi kedua-dua negara menjadi anggota ASEAN sepenuhnya. Bahawa Vietnam berjaya mengwujudkan hubungan rapat dengan jiran-jiran ASEANnya adalah bukti kepimpinan Vietnam yang pragmatis dan ciri kenegarawannya. Kami gembira bahawa tempuh konfrontasi dan pertelingkahan mengenai isu Kampuchea telah berakhir dan kini kita boleh menumpukan usaha-usaha ke arah mempertingkatkan taraf hidup rakyat negara kita. Biarlah peristiwa yang lepas dijadikan satu pengajaran bagi masa hadapan. Kita tidak harus membenarkan konfrontasi dan pertelingkahan untuk muncul lagi dan menjejaskan hubungan kita.

Tuan Yang Terutama,

8. Setakat ini terdapat hanya dua isu sahaja yang masih belum diselesaikan iaitu soal pelarian Vietnam di Malaysia dan tuntutan bertindih di Laut Cina Selatan. Kita telahpun bersetuju di Kuala Lumpur untuk menyelesaikan isu-isu ini secara rundingan damai. Kami yakin dengan wujudnya semangat persefahaman dan persahabatan antara kita pada hari ini, isu-isu ini akan dapat diselesaikan dengan cepat seperti mana yang dirancangan.

9. Dengan perasaan penuh keyakinan dan harapan di masa depan, marilah kita terus memperkukuhkan asas perhubungan kita supaya perhubungan yang memberi faedah bersama akan berkembang meliputi semua bidang. Dalam hal ini, saya berpuashati bahawa esok kita akan menandatangani satu Perjanjian Pos dan Telekomunikasi dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal yang akan merapatkan lagi perhubungan kedua-dua negara. Saya yakin Suruhanjaya Bersama yang kita telah persetujui akan menjadi satu mekanisma yang berkesan dalam menguruskan hal-hal kerjasama kita berdua.

Tuan Yang Terutama,

10. Semasa lawatan Tuan Yang Terutama ke Malaysia pada awal Januari tahun ini, Tuan Yang Terutama telah membawa satu rombongan kebudayaan untuk menghibur rakyat Malaysia di samping memperkenalkan kekayaan tradisi budaya Vietnam. Saya ingin membalas jasa Tuan Yang Terutama dan membawa bersama saya satu rombongan kebudayaan Malaysia untuk menghibur Tuan Yang Terutama dan rakyat Vietnam. Saya berharap Tuan Yang Terutama akan terhibur dengan persembahan dari Malaysia.

11. Dif-dif kehormat, tuan-tuan dan puan-puan, saya menjemput para hadirin untuk bangun minum ucap selamat kepada kesihatan Tuan Yang Terutama Encik Vo Chi Cong, Presiden Sosialis Republik Vietnam dan Tuan Yang Terutama Encik Vo Van Kiet, Pengerusi Majlis Menteri-menteri dan Puan Cam dan untuk persahabatan yang berterusan di antara

Malaysia dan Vietnam.